

KERANGKA KETAHANAN JIWA DI ERA KECERDASAN BUATAN (AI) BERTERASKAN ETIKA NABAWI DAN PSIKOSPIRITUAL ISLAM

^aMohd Zohdi Mohd Amin, ^bMohd.Sobri Ellias, ^cMohd Mohd Asyran Safwan, ^dAdi Anto Hasibuan

^{abd}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

^cUniversiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan

zohdi@usim.edu.my

Abstrak

Revolusi kecerdasan buatan (AI) telah mengubah landskap kehidupan manusia dengan begitu drastik, bukan sahaja dari segi ekonomi dan sosial, tetapi juga dari sudut psikospiritual. Fenomena seperti keresahan digital, kekosongan spiritual, krisis identiti dan tekanan jiwa semakin ketara akibat ketergantungan berlebihan terhadap teknologi moden. Artikel ini bertujuan menilai cabaran tersebut melalui kerangka Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam, dengan menekankan bahawa penyelesaian tidak boleh terbatas kepada aspek teknikal atau undang-undang semata-mata. Menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan dan analisis tematik hadis, kajian ini mengemukakan prinsip-prinsip utama Etika Nabawi seperti *ihsan*, amanah, sabar dan muraqabah yang digabungkan dengan konsep *qalb*, nafs dan *tazkiyatun nafs* sebagai asas ketahanan jiwa. Hasil kajian mendapati bahawa integrasi ini bukan sahaja menawarkan daya tahan rohani terhadap pengaruh negatif AI, malah melahirkan model kesejahteraan yang holistik berpaksikan *maqasid syariah*. Perbandingan dengan kerangka etika AI sekular seperti OECD AI Principles dan EU AI Act menunjukkan bahawa perspektif Islam lebih teosentrik, menyeluruh dan seimbang, kerana menghubungkan teknologi dengan misi spiritual manusia sebagai khalifah Allah. Artikel ini menyumbang kepada wacana etika AI dengan menawarkan kerangka alternatif yang relevan untuk pendidikan, dasar awam dan pembangunan masyarakat Muslim kontemporari.

Kata kunci: Etika Nabawi, Psikospiritual Islam, Kecerdasan Buatan, Ketahanan Jiwa, *Maqasid syariah*

1.0 Pengenalan

Revolusi Kecerdasan Buatan sedang melanda dunia dengan begitu pesat sehingga dianggap sebagai salah satu titik perubahan paling besar dalam sejarah manusia moden. Teknologi ini bukan sahaja memberi kemudahan dari sudut ekonomi dan produktiviti, tetapi turut membawa dilema kemanusiaan yang kompleks (Kim et al., 2025). Antara isu yang sering dibincangkan termasuk penyebaran *deepfake* yang menghakis kepercayaan terhadap kebenaran, bias algoritma yang menindas kelompok tertentu, kehilangan pekerjaan akibat automasi, serta pembentukan *filter bubble* yang menyempitkan horizon pemikiran melalui kandungan digital yang seragam (AI-kfairly et al., 2024). Fenomena ini bukan sahaja mengancam integriti sosial, tetapi juga menjejaskan kesihatan mental dan kestabilan psikologi manusia (Naseer et al., 2025).

Dunia moden kini berdepan dengan paradoks besar: teknologi yang dicipta untuk memudahkan kehidupan, pada masa yang sama melahirkan tekanan jiwa yang baharu (Litan, 2025). Jika revolusi industri terdahulu mengubah landskap fizikal dan ekonomi, maka revolusi AI pula menggugat dimensi identiti, nilai, dan makna hidup. Justeru, isu AI tidak boleh dilihat hanya dari aspek teknikal, tetapi perlu ditinjau dalam kerangka etika dan kemanusiaan yang lebih luas (Griffin et al., 2023).

AI telah mengubah cara manusia berinteraksi, bekerja, dan berfikir. Namun, perubahan ini turut menimbulkan implikasi psikospiritual yang serius. Kajian menunjukkan peningkatan keresahan akibat tekanan

untuk sentiasa responsif dalam dunia digital (Kim et al., 2023), gejala kesunyian walaupun hidup dalam jaringan maya yang luas (Qi et al., 2025), krisis identiti apabila individu semakin sukar membezakan diri autentik dengan persona digital (Plinio, 2025), serta fenomena kekosongan spiritual apabila manusia menggantikan interaksi insani dengan interaksi mesin (Ungar-Sargon, 2025). Dalam perspektif Islam, keadaan ini boleh ditafsirkan sebagai tanda hati yang lalai (*ghaflah*) (Leites, 2023) daripada mengingati Allah, yang akhirnya melemahkan keseimbangan *qalb* dan merosakkan *Tazkiyah* al-nafs (Zulkipli et al., 2022).

Fenomena ini menimbulkan persoalan mendalam: apakah manusia sedang menuju ke arah *dehumanisasi*, di mana hubungan sejati, nilai moral, dan kesedaran spiritual semakin terhakis? Sekiranya perkembangan AI terus berpusat kepada keuntungan material dan efisiensi teknikal tanpa panduan nilai, ia berpotensi melahirkan generasi yang canggih secara intelektual tetapi rapuh secara emosi dan spiritual (Green, 2018). Bagi umat Islam, cabaran ini lebih mendesak kerana ia menyentuh teras akidah, akhlak, dan *maqasid syariah* dalam melindungi agama, akal, jiwa, dan maruah manusia (Elmahjub, 2023).

Wacana global mengenai etika AI pada masa ini didominasi oleh perspektif Barat yang sekular. Prinsip-prinsip seperti keadilan, ketelusan, kebermanfaatn, dan privasi sering diketengahkan. Walaupun penting, prinsip ini masih bersifat materialistik dan tidak menyentuh dimensi rohani serta psikospiritual yang menjadi asas kesejahteraan manusia secara menyeluruh (Ali et al., 2025). Dalam tradisi Islam, kesejahteraan tidak sekadar bermaksud ketiadaan masalah mental, tetapi melibatkan kesihatan hati (*qalb*), kekuatan jiwa (*nafs*), dan hubungan yang tulus dengan Allah SWT (Zulkipli et al., 2022).

Namun, dimensi ini masih kurang diberikan perhatian dalam wacana etika AI. Pendekatan Islam yang menggabungkan sumber Naqli (wahyu melalui al-Quran dan Sunnah) dengan Aqli (rasional dan sains kontemporari) menawarkan kerangka yang lebih menyeluruh (Ali et al., 2025). Jurang inilah yang cuba diisi oleh kajian ini: membina naratif alternatif yang menempatkan Islam bukan sekadar sebagai pelengkap, tetapi sebagai teras dalam merumuskan etika AI yang holistik.

Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini menetapkan beberapa objektif utama, iaitu: (i.) Menganalisis kesan revolusi AI terhadap dimensi psikospiritual manusia, khususnya keresahan, kekosongan spiritual, dan krisis identiti. (ii.) Menghuraikan prinsip Etika Nabawi yang terkandung dalam hadis-hadis sahih (Kubaisi, 2024). (iii.) Mengintegrasikan prinsip tersebut dengan konsep psikospiritual Islam untuk membina kerangka ketahanan jiwa. (iv.) Menawarkan satu model konseptual ketahanan jiwa umat dalam menghadapi cabaran era AI yang boleh dijadikan asas kepada pendidikan, dasar, dan amalan masyarakat Muslim kontemporari.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan. Data utama diperoleh melalui analisis tematik terhadap hadis-hadis sahih berkaitan pembinaan akhlak dan jiwa, dilengkapi dengan karya klasik seperti al-Ghazali, serta pandangan sarjana kontemporari seperti Osman Bakar dan Syed Muhammad Naquib al-Attas tentang falsafah ilmu dan teknologi Islam. Analisis ini turut disepadukan dengan literatur moden mengenai *digital well-being* dan etika AI dari perspektif Barat, bagi menunjukkan titik pertemuan dan perbezaan dengan kerangka Islam.

2.0 Kajian Literatur

2.1 Digital Well-being dan Kesan Psikososial AI

Konsep *Digital Well-being* merujuk kepada keseimbangan antara manfaat dan mudarat teknologi digital dalam kehidupan manusia. Vanden Abeele menjelaskan bahawa DWB bukan bermaksud menolak teknologi, tetapi menekankan kepentingan keseimbangan penggunaan secara etika dan seimbang. Antara isu utama DWB termasuk tekanan digital (*digital stress*), nomophobia (kecemasan apabila tiada akses telefon), serta penggunaan internet yang bersifat problematik (Frenkenberg & Hochman, 2025).

Data global menunjukkan masalah ini semakin serius. WHO/Eropah melaporkan peningkatan tingkah laku penggunaan media sosial secara problematik dalam kalangan remaja daripada 7% pada 2018 kepada 11% pada 2022. Malah, 12% remaja dikenal pasti berisiko mengalami ketagihan permainan digital. Laporan sama menyatakan bahawa lebih 1 daripada 10 remaja (11%) menunjukkan gejala ketagihan media sosial. OECD turut mengingatkan bahawa masa skrin berlebihan boleh mengurangkan aktiviti fizikal dan interaksi dunia nyata, sekali gus memberi kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental (Ettman & Galea, 2023). Kajian lain juga menekankan kecenderungan peningkatan tekanan digital. Wrede et al. dalam tinjauan di Jerman mendapati kadar pekerja yang mengalami tekanan digital meningkat daripada 9% pada 2020 kepada 20% pada 2022. Sementara itu, meta-analisis oleh Al-Mamun et al. melaporkan prevalens nomophobia dalam kalangan pelajar adalah tinggi: 26% ringan, 51% sederhana, dan 21% teruk, mencerminkan pergantungan ketara kepada telefon pintar (Naseer et al., 2025). Dalam Islam, keseimbangan digital ini dapat dihubungkan dengan tuntutan mengelakkan kelalaian (ghaflah) (Leites, 2023). Nabi SAW bersabda: “Janganlah kamu banyak ketawa, kerana banyak ketawa itu memamatkan hati.” (HR al-Tirmidzi, Kitab al-Zuhd, no. 2305). Hadis ini mengingatkan bahawa keterlaluan dalam hiburan dan aktiviti yang melalaikan termasuk dalam dunia digital boleh merosakkan qalb (Deswita et al., 2022). Oleh itu, cabaran DWB memerlukan bukan sahaja penyelesaian teknikal, tetapi juga bimbingan spiritual.

2.2 Spiritual Emptiness dan Krisis Makna Era AI

Kebimbangan bertambah apabila AI mula menggantikan interaksi manusia. Common Sense Media melapor-kan bahawa 72% remaja di Amerika Syarikat pernah menggunakan “teman maya” AI (chatbot) sekurang-ku-rangnya sekali, dan 52% daripadanya menjadi pengguna tetap. Chatbot seperti Replika digunakan untuk hibu-ran, sokongan emosi, dan nasihat kerana sifatnya yang sentiasa tersedia. Walaupun ia boleh mengurangkan rasa kesepian sementara, pergantungan melampau berisiko menimbulkan masalah emosi yang serius (Ungar-Sargon, 2025). Malah, terdapat laporan undang-undang apabila sebuah syarikat AI dikaitkan dengan kes bunuh diri remaja yang menggunakan chatbot secara berlebihan.

Fenomena ini menimbulkan apa yang disebut sebagai kekosongan rohani (*spiritual emptiness*), iaitu keadaan apabila hubungan dengan Allah dan nilai keagamaan terabai akibat keterikatan kepada interaksi maya. Lebih membimbangkan, muncul pula kecenderungan “AI mysticism”, di mana sebahagian pengguna mula menganggap AI seolah-olah entiti ghaib atau sumber kebenaran baru (Ungar-Sargon, 2025). Kebergantungan sebegini boleh membawa kepada krisis makna dalam hidup kerana dimensi etika dan keimanan diketepikan. Pandangan Islam memberi peringatan yang jelas mengenai bahaya ini. Al-Attas menyifatkan fenomena ini sebagai keterasingan eksistensial (*existential alienation*), iaitu keadaan manusia kehilangan hubungan dengan nilai hakiki. Turkle juga mendapati interaksi berlebihan dengan mesin mengurangkan kapasiti empati dan re-fleksi diri. Dalam tradisi Islam, al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din* menegaskan bahawa pengabaian *tazkiya-tun nafs* membawa kepada penyakit hati seperti *ghaflah* (kelalaian) (Leites, 2023). Ibn Rajab al-Hanbali dalam *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam* pula menekankan bahawa hati yang lalai akan melemahkan kesedaran terhadap Allah dan menjadikan manusia lebih cenderung kepada hawa nafsu (Zulkipli et al., 2022).

2.3 Falsafah Teknologi Islam: Integrasi Tauhid dan Adab

Falsafah teknologi Islam menekankan bahawa ilmu sains dan teknologi tidak bebas nilai, sebaliknya mesti diintegrasikan dengan tauhid dan akhlak (Elmahjub, 2023). Osman Bakar dalam *Tawhid and Science* menegaskan bahawa konsep tauhid menjadi asas integrasi sains dengan pengetahuan agama. Beliau menyatakan bahawa “kesatuan pengetahuan, seperti yang diperoleh daripada konsep tauhid, menjamin agar domain

penyelidikan saintifik dan kerohanian bersinergi dalam mencari kebenaran”.

Prinsip tauhid ini membawa implikasi bahawa teknologi adalah sebahagian daripada amanah khalifah di bumi yang mesti dipandu oleh *maqasid syariah*, bukan sekadar kepentingan material (Ali et al., 2025). Sementara itu, Syed Muhammad Naquib al-Attas menekankan konsep adab, iaitu disiplin tubuh, jiwa dan ruh yang memastikan setiap ilmu dan teknologi diletakkan pada kedudukan yang benar dalam tatanan ciptaan. Menurut al-Attas, tanpa adab, ilmu akan disalahgunakan kerana tidak memahami hierarki nilai dan tujuan penciptaan (Raquib et al., 2022).

Oleh itu, falsafah Islam menegaskan bahawa teknologi mesti digunakan dalam sempadan etika dan adab. Prinsip ini memastikan perkembangan teknologi tidak merosakkan keseimbangan rohani dan sosial, sebaliknya selaras dengan fitrah manusia dan tujuan penciptaan.

2.4 Melengkapi dan Memperbaiki Pendekatan Sekular dengan Perspektif Islam

Pendekatan sekular semasa terhadap AI, seperti Prinsip AI OECD dan EU AI Act, memberi penekanan kepada hak asasi manusia, ketelusan, dan keselamatan teknologi. OECD menegaskan pembangunan AI yang inovatif dan boleh dipercayai demi mendukung nilai demokrasi, manakala EU AI Act menekankan kawalan risiko terhadap aplikasi AI berisiko tinggi (Schultz & Seele, 2022).

Walaupun kerangka ini penting, ia masih terbatas kerana kurang menekankan dimensi spiritual. Perspektif Islam hadir bukan sahaja sebagai pelengkap, tetapi juga sebagai pembetulan kepada kekurangan tersebut (Ali et al., 2025). Melalui kerangka tauhid dan *maqasid syariah*, perspektif Islam mengaitkan teknologi dengan amanah, tanggungjawab rohani, dan adab. Dalam hal ini, teknologi tidak boleh dilihat sekadar alat neutral, tetapi mesti dipandu agar selaras dengan tujuan Ilahi (Elmahjub, 2023).

Pendekatan bersepadu ini memastikan AI dikembangkan bukan sahaja selamat dan efisien, tetapi juga mampu menjaga kesejahteraan jiwa (*rahmat*), memelihara akhlak, dan menegakkan keadilan sejagat. Dengan kata lain, perspektif Islam menambahkan dimensi yang tidak terdapat dalam kerangka sekular: iaitu menghubungkan teknologi dengan misi spiritual manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi.

3.0 Kerangka Teoretikal: Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam

Bahagian ini mengemukakan kerangka teoretikal yang menjadi asas kepada analisis cabaran kecerdasan buatan dalam artikel ini. Kerangka ini berpijak pada dua sumber utama, iaitu Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam, yang kemudian dihuraikan melalui empat bahagian:

- **Etika Nabawi** sebagai asas nilai normatif (3.1);
- **Metodologi Tematik Hadis** sebagai instrumen epistemologi (3.2);
- **Psikospiritual Islam** sebagai dimensi kerohanian dan psikologi jiwa (3.3); dan
- **Sintesis Kerangka** yang menggabungkan semua elemen kepada satu model konseptual (3.4).

Keseluruhan kerangka ini berfungsi sebagai landasan konseptual bagi bahagian 4.0, iaitu analisis terhadap cabaran AI melalui lensa etika dan spiritual Islam.

3.1 Konsep Etika Nabawi sebagai Model Akhlak Universal

Etika Nabawi merupakan suatu sistem akhlak yang bersumberkan kehidupan, pengajaran dan bimbingan Nabi Muhammad SAW. Baginda diangkat oleh Allah SWT sebagai *al-uswah al-hasanah* (contoh teladan terbaik) sebagaimana firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: “Sesungguhnya pada (diri) Rasulullah itu ada contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu

bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari akhirat serta banyak mengingat Allah.” (al-Ahzab: 21)

Berbeza dengan pendekatan etika Barat yang bersifat sekular dan utilitarian, Etika Nabawi adalah teosentrik kerana berpusat kepada Allah SWT serta holistik kerana merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia, termasuklah interaksi mereka dengan teknologi moden (Ali et al., 2025). Menurut Abdul Hamid Abu Sulayman, Etika Nabawi menawarkan paradigma etika yang menyeluruh yang mampu menangani pelbagai cabaran kontemporari, termasuk revolusi digital yang semakin kompleks.

Salah satu prinsip utama Etika Nabawi ialah ihsan. Berdasarkan Hadis Jibril yang diriwayatkan oleh Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: “Hendaklah kamu beribadah kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Jika kamu tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu.” (HR Muslim, *Kitab al-Iman*, no. 8)

Imam al-Nawawi dalam *Syarah Sahih Muslim* menjelaskan bahawa *ihsan* merangkumi dua darjat: pertama, darjat *mushahadah* iaitu beribadah seolah-olah melihat Allah; dan kedua, darjat *muraqabah* iaitu kesedaran bahawa Allah sentiasa memerhati hamba-Nya. Dalam konteks AI, prinsip *ihsan* menuntut agar pembangunan dan penggunaan teknologi dilakukan dengan penuh kecemerlangan, diiringi kesedaran moral dan spiritual (Adnan & Ramli, 2024).

Prinsip kedua ialah amanah. Rasulullah SAW bersabda:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ

Maksudnya: “Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak amanah.” (HR Ahmad, *Musnad Anas bin Malik*, no. 13479)

Ibn Rajab al-Hanbali dalam *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam* menjelaskan bahawa amanah adalah tanggungjawab yang meliputi semua aspek kehidupan, termasuk ilmu dan teknologi. Dalam konteks AI, prinsip ini menuntut para penggiat teknologi memastikan bahawa algoritma dan aplikasi yang dibangunkan tidak menyalahi *maqasid syariah* serta tidak menjejaskan kemanusiaan (Ali et al., 2025).

Prinsip ketiga ialah sabar. Rasulullah SAW bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ... وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Maksudnya: “Sungguh menakjubkan urusan orang mukmin... jika ditimpa kesulitan, dia bersabar maka itu baik baginya.” (HR Muslim, *Kitab al-Zuhd*, no. 2999).

Imam al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din* menekankan bahawa sabar merupakan asas ketahanan spiritual dalam menghadapi ujian hidup. Dalam konteks gangguan digital dan disrupsi teknologi, sabar membolehkan individu menyesuaikan diri dengan perubahan tanpa kehilangan identiti dan kekuatan spiritual (Hokmabadi et al., 2024).

Prinsip keempat ialah muraqabah. Rasulullah SAW bersabda:

اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ

Maksudnya: “Bertaqwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada.” (HR al-Tirmidzi, *Kitab al-Birr*, no. 1987)

Sheikh Abd al-Qadir al-Jilani dalam *al-Ghunya* menghuraikan muraqabah sebagai kesedaran berterusan bahawa Allah sentiasa mengawasi manusia. Prinsip ini berfungsi sebagai kawalan dalaman, khususnya dalam dunia digital yang cenderung melahirkan rasa anonimitas. Muraqabah mengingatkan manusia agar sentiasa berintegriti, tidak menyalahgunakan teknologi, dan menjaga batas etika walaupun di ruang maya yang tidak diawasi oleh manusia (Adnan & Ramli, 2024).

Secara keseluruhannya, prinsip-prinsip Etika Nabawi ini bukan sahaja membentuk akhlak peribadi seorang Muslim, malah turut menyediakan asas etika yang kukuh dalam mengurus teknologi moden. Prinsip-prinsip ini seterusnya akan diperkukuh melalui metodologi tematik hadis bagi membina satu kerangka analisis yang berautoriti dan relevan dengan cabaran semasa, sebagaimana akan dihuraikan dalam bahagian 3.2.

3.2 Metodologi Tematik Hadis

Setelah menjelaskan prinsip-prinsip Etika Nabawi sebagai asas normatif, langkah berikutnya adalah meneliti bagaimana prinsip ini dapat difahami dan diaplikasikan melalui metodologi ilmiah yang berautoriti. Dalam hal ini, pendekatan analisis tematik hadis (al-takwīn al-mawḍū‘ī) dipilih sebagai kerangka epistemologi yang menghubungkan sumber wahyu dengan perbincangan kontemporari. Kaedah ini memberi ruang kepada pengkaji untuk mengumpulkan hadis-hadis berkaitan sesuatu tema, menganalisisnya secara sistematik, dan kemudian membentuk kerangka konseptual yang menyeluruh. Mustafa al-Siba‘i antara sarjana yang banyak memberi sumbangan dalam pengembangan metodologi ini, dengan menegaskan kedudukan sunnah sebagai sumber utama perundangan dan etika Islam.

Pendekatan tematik ini bukan sahaja membolehkan pengkaji menghubungkan hadis dengan prinsip etika, tetapi juga memberi justifikasi normatif dalam menghadapi isu semasa seperti AI. Sebagai contoh, hadis mengenai amanah ilmu menegaskan tanggungjawab ulama dan ilmuwan dalam menyampaikan kebenaran:

مَنْ سئِلَ عَنْ عِلْمٍ فَكْتَمَهُ أُجِمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِلِجَامٍ مِنْ نَارٍ

Maksudnya: “Barangsiapa yang ditanya tentang ilmu lalu menyembunyikannya, akan dikekang mulutnya dengan kekang api neraka pada Hari Kiamat.” (HR Abu Dawud)

Hadis ini menegaskan kewajipan menyebarkan ilmu yang bermanfaat dan melarang menyembunyikannya. Dalam konteks teknologi moden, ia boleh diaplikasikan sebagai tuntutan untuk memastikan ketelusan algoritma, keterbukaan ilmu, serta tanggungjawab dalam pembangunan teknologi agar ia memberi manfaat kepada masyarakat (Elmahjub, 2023).

Begitu juga, hadis tentang **silaturahmi** menekankan kepentingan hubungan insani dalam membina masyarakat yang kukuh:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُصِلْ رَحِمَهُ

Maksudnya: “Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhir, hendaklah ia menyambung silaturahmi.” (HR al-Bukhari, no. 5986)

Pesan ini amat signifikan dalam konteks era digital, apabila interaksi manusia semakin banyak berlaku di ruang maya. Prinsip silaturahmi mengingatkan bahawa hubungan sosial dan nilai kemanusiaan tidak boleh digantikan sepenuhnya dengan interaksi mesin, sebaliknya perlu dipelihara sebagai asas kesejahteraan masyarakat (Susanto, 2024).

Selain itu, konsep *muhasabah* atau introspeksi diri turut ditegaskan dalam tradisi Islam:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ، وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا، وَتَمَتَّى عَلَى اللَّهِ

Maksudnya: “Orang yang cerdas itu ialah orang yang menilai (menghisab) dirinya sendiri dan bera- mal untuk kehidupan selepas mati, sedangkan orang yang lemah ialah yang mengikut hawa nafsunya lalu berangan-angan kepada Allah (dengan harapan palsu).” (HR Imam at-Tirmizi, no. 2459 – Hasan Sahih).

Muhasabah dalam konteks penggunaan teknologi menjadi mekanisme kawalan diri yang penting, kerana ia mendorong individu menilai sejauh mana interaksi mereka dengan dunia digital memberi kesan positif atau negatif kepada rohani dan moral (Noor et al., 2022). Dengan demikian, metodologi tematik hadis bukan sahaja menyusun sumber-sumber normatif, tetapi turut menyediakan asas kritikal dalam menilai dampak AI terhadap kehidupan spiritual manusia.

Pendekatan metodologi ini seterusnya memperkukuh perbincangan tentang dimensi psikospiritual Islam, kerana prinsip hadis yang dipilih berfungsi untuk memandu pemahaman mengenai *qalb*, *nafs*, dan *tazkiyatun nafs*. Oleh itu, bahagian seterusnya (3.3) akan menghubungkan asas normatif ini dengan kerangka psikospiritual sebagai dimensi dalaman ketahanan jiwa.

3.3 Psikospiritual Islam: *Qalb*, *Nafs* dan *Tazkiyatun nafs*

Setelah menjelaskan metodologi tematik hadis yang berfungsi sebagai asas epistemologi, langkah berikutnya ialah menerapkan kerangka psikospiritual Islam yang memberi tumpuan kepada dimensi dalaman manusia. Jika Etika Nabawi memberikan pedoman normatif dan hadis menjadi sumber autoritatif, maka psikospiritual Islam menyediakan mekanisme aplikasi dalam diri manusia melalui konsep *qalb*, *nafs*, dan *tazkiyatun nafs*. Tiga elemen ini merupakan asas penting dalam memahami daya tahan spiritual umat Islam ketika berhadapan dengan cabaran teknologi moden, termasuk kecerdasan buatan.

***Qalb* (hati)** dalam tradisi Islam dianggap sebagai pusat spiritual dan moral manusia (Nugraha, 2022). *Qalb* bukan sekadar organ fizikal, tetapi juga entiti rohani yang mempengaruhi pemikiran, emosi, dan tingkah laku (Gulam, 2019). *Qalb* mudah dipengaruhi oleh persekitaran; oleh itu, interaksi berlebihan dengan teknologi digital boleh menyebabkan *ghaflah* (kelalaian spiritual), serta menimbulkan penyakit hati seperti *riya* (pamer), *hasad* (dengki), dan *takabbur* (sombong). Keadaan ini mengurangkan kejernihan spiritual yang diperlukan untuk menilai sesuatu perkara secara seimbang. Dalam konteks AI, *qalb* yang tidak dipelihara berisiko menjadi pasif, menerima pengaruh algoritma dan kecenderungan digital tanpa kawalan. Sebaliknya, *qalb* yang terdidik melalui *zkrullah* dan tadabbur mampu berfungsi sebagai penapis terhadap “digital emptiness” dan ketagihan maya (Deswita et al., 2022).

***Nafs* (jiwa)** pula menggambarkan dimensi keinginan dan dorongan dalam diri manusia (Gulam, 2019). Al-Qur’an dan hadis membahagikan *nafs* kepada tiga peringkat utama: *nafs ammarah* (jiwa yang condong kepada kejahatan), *nafs lawwamah* (jiwa yang menyesal), dan *nafs mutma’innah* (jiwa yang tenang) (Andopa et al., 2018). Kehidupan digital hari ini, khususnya melalui media sosial dan hiburan maya, sering menguatkan *nafs ammarah* dengan mempromosikan hedonisme, kebencian, atau ekstremisme (Fadli & Sartono, 2023). Namun, apabila disertai kesedaran spiritual, jiwa manusia dapat bergerak ke tahap *nafs lawwamah*, iaitu kesedaran reflektif yang menilai kesalahan, sebelum akhirnya mencapai tahap *nafs mutma’innah*, iaitu ketenangan jiwa yang reda dengan ketentuan Allah (Wahab, 2022). Oleh itu, pengurusan *nafs* amat penting dalam membina daya tahan terhadap pengaruh negatif AI (Khan et al., 2025).

***Tazkiyatun nafs* (penyucian jiwa)** adalah proses penyucian yang menggabungkan *mujahadah* (usaha melawan hawa nafsu) dan *riyadah* (latihan spiritual) untuk membebaskan hati daripada sifat-sifat tercela dan menghiasinya dengan sifat-sifat terpuji (Mohamad et al., 2020). Imam al-Ghazali dalam *Ihya’ Ulum al-*

Din menekankan bahawa *Tazkiyah* adalah syarat utama bagi kejernihan *qalb* dan kekuatan spiritual. Proses ini amat penting dalam menghadapi godaan era digital yang penuh dengan kelalaian dan kemewahan maya (Waluyojati & Swari, 2024). *Tazkiyah* memastikan bahawa jiwa tidak terperangkap dalam “spiritual emptiness” yang sering dikaitkan dengan budaya teknologi moden (Adnan & Ramli, 2024). Dengan *Tazkiyah*, pengguna teknologi dilatih untuk sentiasa menilai niat, mengekalkan keikhlasan, dan memelihara integriti walaupun berdepan dengan ujian digital.

Keseluruhan kerangka psikospiritual ini memperkukuh nilai Etika Nabawi dan metodologi hadis yang telah dihuraikan sebelumnya. *Qalb* menjadi pusat penapisan spiritual, nafs menggambarkan dinamik jiwa yang perlu dikawal, manakala *tazkiyatun nafs* berfungsi sebagai proses pembersihan berterusan. Digabungkan bersama prinsip *ihsan*, amanah, sabar, dan muraqabah, kerangka psikospiritual Islam memberi asas kukuh untuk membina ketahanan jiwa dalam menghadapi cabaran digital. Bahagian seterusnya (3.4) akan menyatukan semua elemen ini dalam bentuk sintesis kerangka konseptual yang menyeluruh sebagai asas kepada analisis cabaran AI dalam bahagian 4.0.

3.4 Sintesis Kerangka: Integrasi Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam

Setelah dibincangkan asas normatif melalui Etika Nabawi (3.1), kerangka epistemologi melalui metodologi tematik hadis (3.2), dan dimensi dalaman melalui psikospiritual Islam (3.3), bahagian ini menampilkan satu sintesis konseptual yang menggabungkan ketiga-tiganya. Sintesis ini penting bagi membina kerangka ketahanan jiwa umat Islam yang berteraskan nilai agama, namun tetap relevan untuk menangani cabaran teknologi moden seperti kecerdasan buatan.

Integrasi ini boleh difahami melalui tiga lapisan utama. Pertama, **Etika Nabawi** memberikan asas moral dan panduan normatif dengan prinsip *ihsan*, amanah, sabar, dan muraqabah. Prinsip-prinsip ini berperanan sebagai garis panduan akhlak yang mengatur tingkah laku manusia termasuk dalam penggunaan teknologi. Kedua, **Psikospiritual Islam** bertindak sebagai mekanisme dalaman yang memastikan nilai-nilai etika tersebut dihayati, kerana ia berpunca daripada *qalb*, nafs dan *tazkiyatun nafs*. Proses penyucian jiwa melalui *Tazkiyah* menjadikan prinsip etika lebih berkesan dalam membina ketahanan rohani. Ketiga, **Metodologi Tematik Hadis** menjadi penghubung dengan menyediakan legitimasi epistemologi, iaitu memastikan nilai-nilai yang dibentuk berlandaskan sunnah Nabi SAW dan bukan semata-mata tafsiran bebas. Kerangka integrasi ini dapat dirumuskan dalam bentuk rajah konseptual berikut:

Input

Etika Nabawi
Psikospiritual Islam
Metodologi Tematik Hadis (autoriti wahyu)

Proses

Internalisasi nilai → Penyucian jiwa → Kesedaran Ilahi

Output

Ketahanan jiwa individu
Kesejahteraan komuniti
Teknologi beretika berlandaskan *maqasid syariah*

Daripada sintesis ini dapat dilihat bahawa integrasi Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam tidak hanya bersifat teori, tetapi juga menawarkan model yang praktikal. Pada tahap individu, ia mendidik jiwa untuk menilai, menyaring dan mengawal penggunaan teknologi dengan berpaksikan kesedaran Ilahi. Pada tahap masyarakat, ia mengukuhkan ukhuwah, memperkukuh budaya ilmu, dan memandu sistem pendidikan yang berteraskan nilai Islam. Manakala pada tahap pembangunan teknologi, ia menekankan prinsip *maqasid syariah* supaya kecerdasan buatan bukan sekadar dimanfaatkan untuk kepentingan ekonomi, tetapi juga memberi

manfaat rohani, moral dan sosial.

Dari segi teoretikal, sintesis ini selari dengan gagasan integrasi ilmu Naqli dan Aqli yang banyak ditekankan oleh sarjana Islam seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas (Chande, 2023). Beliau menegaskan bahawa Islamisasi ilmu ialah usaha menyatukan disiplin wahyu dengan analisis rasional, bagi mengatasi pemikiran sekular yang memisahkan etika daripada pembangunan teknologi (Muhibuddin, 2022). Dalam konteks ini, kerangka integrasi yang dibentuk menunjukkan bahawa etika AI tidak memadai hanya berdasarkan prinsip sekular seperti keadilan dan ketelusan, tetapi perlu dilengkapi dengan dimensi spiritual agar manusia tidak terjerumus dalam krisis jiwa.

Oleh itu, kerangka teoretikal yang diuraikan dalam bahagian 3.0 ini menyediakan asas yang kukuh bagi menganalisis cabaran AI terhadap manusia. Bahagian seterusnya (4.0) akan mengaplikasikan kerangka ini bagi menilai bagaimana teknologi AI boleh mengganggu *qalb*, menguatkan nafs ammarah, dan mencetuskan keresahan eksistensial, serta bagaimana Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam mampu menawarkan solusi yang seimbang dan berkesan.

4.0 Analisis Cabaran AI melalui Lensa Psikospiritual dan Solusi Nabawi

Perkembangan kecerdasan buatan membawa peluang besar dalam bidang ekonomi, pendidikan, perubatan dan komunikasi, namun pada masa yang sama ia menimbulkan pelbagai cabaran etika, sosial, dan spiritual (Kubaisi, 2024). Cabaran ini bukan sahaja bersifat teknikal seperti *deepfake*, bias algoritma, dan penggantian pekerjaan oleh mesin, tetapi juga berkait rapat dengan kesejahteraan psikospiritual manusia (Ahmad et al., 2023). Oleh itu, analisis bahagian ini menggunakan kerangka Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam yang telah diuraikan dalam Bab 3 untuk menilai implikasi AI serta mengemukakan solusi berpaksikan sunnah Nabi SAW.

4.1 AI dan Gangguan terhadap *Qalb*

AI berpotensi menjejaskan keseimbangan *qalb* apabila pengguna terdedah kepada aliran maklumat yang tidak terkawal, hiburan berlebihan, dan budaya maya yang mendorong kepada *ghaflah* (kelalaian). Kajian menunjukkan peningkatan ketara masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja dan dewasa muda akibat penggunaan media digital yang melampau, termasuk simptom keresahan dan kemurungan (Faqih et al., 2024). Pendedahan berpanjangan kepada media sosial dan interaksi dalam talian boleh mengubah persepsi realiti, mencetuskan perasaan tidak cukup, kebimbangan, dan kemurungan (Shalaby, 2024). Fenomena ini menyebabkan *qalb* hilang kejernihan untuk menilai perkara dengan perspektif yang seimbang. Dalam tradisi Islam, *qalb* adalah pusat kerohanian yang perlu sentiasa dipelihara. Nabi SAW bersabda: “*Seungguhnya dalam tubuh manusia ada seketul daging; apabila ia baik, maka baiklah seluruh tubuh. Jika ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuh. Itulah qalb.*” (HR al-Bukhari, *Kitab al-Iman*, no. 50). Solusi Nabawi dalam menghadapi gangguan ini ialah pengamalan *zikrullah* dan *muhasabah*, yang berfungsi sebagai “penapis rohani” untuk mengekalkan kesedaran terhadap Allah walaupun dalam dunia digital.

4.2 AI dan Nafsu Ammarah

AI dan algoritma media sosial sering memperkuat kecenderungan negatif dengan mencipta *filter bubble* dan *echo chamber*, yang mendorong kepada ekstremisme, kebencian, atau hedonisme (Sangwa & Mutabazi, 2025). Pendedahan berterusan kepada rangsangan digital boleh menyebabkan beban kognitif berlebihan, mengurangkan kapasiti kognitif dan menjejaskan pertimbangan (Shalaby, 2024). Penggunaan aplikasi berasaskan AI untuk hiburan intensif dapat mempengaruhi individu (Ahmad et al., 2023).

Solusi Nabawi terhadap kecenderungan ini ialah membangunkan *ihsan* melalui amalan muraqabah. Dengan kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi, individu mampu menahan dorongan nafsu yang dipen-

garuhi oleh teknologi. Hadis Jibril menjadi panduan utama dalam membina kawalan diri: “*Hendaklah kamu beribadah kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya; jika kamu tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihatmu.*” (HR Muslim, *Kitab al-Iman*, no. 8).

4.3 AI dan Keresahan Eksistensial

Kemunculan AI dalam bentuk robotik, automasi pekerjaan, dan chatbot pintar menimbulkan keresahan eksistensial dalam kalangan manusia, iaitu rasa bimbang digantikan oleh mesin dan kehilangan makna hidup (Elliott et al., 2021). Kemunculan *General Artificial Intelligence* juga menimbulkan bayangan potensi kehilangan pekerjaan secara besar-besaran (Shalaby, 2024). Keadaan ini mendorong sebahagian individu memasuki fasa *nafs lawwamah* – jiwa yang menyesali ketidakmampuannya mengawal keadaan, lalu terperangkap dalam kebimbangan.

Islam menjawab keresahan ini dengan menekankan konsep *tawakkal* dan rezeki yang ditetapkan Allah. Rasulullah SAW bersabda: “*Sekiranya kamu bertawakkal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakkal, nescaya kamu akan diberi rezeki sebagaimana burung yang keluar pada pagi hari dengan perut kosong dan pulang pada petang hari dengan kenyang.*” (HR al-Tirmidzi, *Kitab al-Zuhd*, no. 2344). Dengan keyakinan bahawa rezeki berada dalam genggamannya Allah, keresahan akibat ancaman AI dapat ditangani dengan ketenangan spiritual.

4.4 AI dan Kecerdasan Spiritual (*Nafs mutma'innah*)

AI hanya memiliki kecerdasan logikal dan emosi terhad, tetapi ia tidak mempunyai kecerdasan spiritual. Ini kerana aspirasi AI lebih mencerminkan kebijaksanaan manusia yang lebih berkait rapat dengan kesejahteraan individu dan masyarakat, bukan kecerdasan semata-mata (Lee et al., 2021). Inilah perbezaan mendasar antara manusia dan mesin. *Nafs mutma'innah*, iaitu jiwa yang tenang, hanya boleh dicapai melalui hubungan yang erat dengan Allah SWT. Tanpa bimbingan spiritual, AI berisiko digunakan untuk tujuan yang memusnahkan nilai kemanusiaan.

Al-Qur'an menggambarkan *nafs mutma'innah* sebagai jiwa yang akan dipanggil oleh Allah dengan penuh kasih sayang: “*Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan reda dan diredai.*” (al-Fajr: 27–28). Untuk mencapainya, manusia perlu mengamalkan *tazkiyatun nafs* (penyucian jiwa) dengan membuang sifat tercela dan menghiasi diri dengan sifat terpuji (Waluyoajati & Swari, 2024). Dalam konteks AI, *Tazkiyah* membantu individu mengelakkan ketergantungan melampau kepada teknologi dan mengekalkan identiti sebagai khalifah di bumi.

Kesimpulan Analisis

Analisis ini menunjukkan bahawa cabaran AI terhadap manusia boleh dilihat melalui empat dimensi jiwa: *qalb*, *nafs ammarah*, *nafs lawwamah*, dan *nafs mutma'innah*. Kesemua cabaran ini dapat ditangani melalui solusi Nabawi yang berasaskan *ihsan*, amanah, sabar, muraqabah, *tawakkal*, dan *tazkiyatun nafs*. Oleh itu, integrasi Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam menyediakan kerangka yang menyeluruh untuk memastikan bahawa manusia bukan sahaja bertahan, tetapi juga berkembang dalam era AI.

Bahagian seterusnya (5.0) akan membentangkan model ketahanan jiwa umat di era AI berdasarkan kerangka integratif ini, lengkap dengan rajah konseptual yang menerangkan hubungan antara nilai Nabawi, psikospiritual, dan respons terhadap cabaran teknologi.



Model ini memperlihatkan bahawa ketahanan jiwa umat Islam dalam era AI hanya dapat dicapai melalui pendekatan integratif yang menyatukan nilai etika Nabawi, dimensi psikospiritual, dan panduan hadis. Ia menawarkan jawapan kepada krisis kontemporari dengan memastikan bahawa teknologi dimanfaatkan sebagai alat untuk kebaikan, bukan ancaman terhadap kemanusiaan.

Kerangka model ini juga menjadi asas kepada perbincangan dalam bahagian seterusnya (6.0), di mana ia akan dibandingkan dengan prinsip-prinsip etika AI yang dibangunkan oleh kerangka sekular seperti OECD AI Principles dan EU AI Act, bagi menonjolkan kelebihan perspektif Islam yang bersifat holistik dan spiritual.

6.0 Perbincangan

Perbincangan ini menilai keberkesanan kerangka Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam yang telah dibangunkan dalam artikel ini dengan membandingkannya dengan prinsip etika AI yang digubal oleh badan-badan antarabangsa, khususnya OECD AI Principles dan European Union AI Act. Perbandingan ini penting kerana wacana global tentang AI sering didominasi oleh pendekatan sekular yang menekankan aspek teknikal, ekonomi dan undang-undang, tetapi cenderung mengabaikan dimensi spiritual dan kerohanian manusia (Sangwa & Mutabazi, 2025).

6.1 Prinsip Etika AI Global

OECD AI Principles menekankan lima teras utama: (i) pertumbuhan inklusif dan kesejahteraan manusia, (ii) nilai dan keadilan berasaskan hak asasi manusia, (iii) ketelusan dan kebolehjelasan algoritma, (iv) ketahanan dan keselamatan sistem AI, dan (v) tanggungjawab (*accountability*) terhadap pengguna (Hernández et al., 2024). EU AI Act pula memperincikan perkara yang hampir sama, dengan memberi perhatian kepada pengelasan risiko (*risk-based approach*), pengawalan AI berisiko tinggi, serta keperluan audit dan piawaian keselamatan (Lewis et al., 2025).

Kedua-dua kerangka ini memperlihatkan kesungguhan untuk menjadikan AI selamat dan bertangu-

ngjawab, tetapi ia masih beroperasi dalam kerangka sekular yang berorientasikan utilitarianisme dan kepatuhan undang-undang. Walaupun memberi penekanan kepada nilai kemanusiaan, kerangka ini tidak menjawab persoalan mendalam tentang makna hidup, krisis spiritual, dan keseimbangan jiwa dalam era digital (Sangwa & Mutabazi, 2025).

6.2 Model Ketahanan Jiwa Berasaskan Islam

Sebaliknya, model yang dibina melalui integrasi Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam menawarkan kelebihan yang unik.

- Pertama, ia bersifat teosentrik, iaitu berpaksikan kesedaran Ilahi sebagai asas moral. Nilai seperti ihsan, amanah, sabar, dan muraqabah bukan sekadar prinsip etika, tetapi tuntutan akidah yang berhubung langsung dengan keimanan (Adnan & Ramli, 2024).
- Kedua, ia memberi penekanan kepada mekanisme dalaman manusia, melalui proses tazkiyatun nafs, muhasabah, dan muraqabah yang membina kawalan diri (self-regulation) yang lebih kukuh daripada undang-undang luaran (Hakim & Anggraini, 2023).
- Ketiga, ia berorientasikan *maqasid syariah*, iaitu memastikan AI digunakan untuk memelihara agama, akal, jiwa, keturunan dan harta (Elmahjub, 2023).

Dengan gabungan ini, kerangka Islam bukan sahaja menekankan aspek teknikal dan sosial, tetapi juga keseimbangan spiritual yang diperlukan manusia (Raquib et al., 2022). Contohnya, isu digital anxiety dan spiritual emptiness akibat penggunaan teknologi tidak dapat ditangani hanya dengan ketelusan algoritma, tetapi memerlukan amalan zikrullah, sabar, dan tawakkal sebagai “penawar batiniah” (Elmahjub, 2023). Begitu juga, isu bias algoritma atau echo chamber tidak cukup dijawab dengan audit teknikal semata-mata, tetapi memerlukan nilai ihsan dan amanah dalam proses pembangunan teknologi (Ali et al., 2025).

6.3 Implikasi Akademik dan Praktikal

Dari sudut akademik, perbandingan ini menunjukkan bahawa pendekatan Islam dapat melengkapi wacana global etika AI dengan menawarkan dimensi rohani yang hilang dalam kerangka sekular (Raquib et al., 2022). Ia menegaskan bahawa perbincangan tentang AI tidak boleh dipisahkan daripada persoalan kerohanian dan tujuan hidup manusia. Dari sudut praktikal, kerangka ini memberi garis panduan kepada pembuat dasar, pendidik, dan penggiat teknologi Muslim untuk membangunkan dasar AI yang tidak hanya selamat, tetapi juga membina jiwa yang tenang dan masyarakat yang berakhlak (Hakim & Anggraini, 2023).

6.4 Keunikan Perspektif Islam

Keunikan kerangka Islam ialah ia menyatukan dimensi normatif, epistemologi, dan psikospiritual (*qalb*, *nafs*, *Tazkiyah*). Kesatuan ini melahirkan sebuah model holistik yang menekankan keseimbangan antara dunia dan akhirat, akal dan wahyu, teknologi dan spiritualiti (Nasution et al., 2023). Dalam erti kata lain, Islam tidak menolak AI sebagai alat kemajuan, tetapi mengarahkannya supaya berfungsi selaras dengan *maqasid syariah* (Elmahjub, 2023). Oleh itu, dapat ditegaskan bahawa model ketahanan jiwa berasaskan Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam bukan sahaja berfungsi sebagai alternatif kepada kerangka etika AI sekular, tetapi juga sebagai pelengkap yang mengisi kekosongan spiritual dalam wacana global tentang etika teknologi (Ali et al., 2025).

7.0 Kesimpulan dan Implikasi

Kajian ini menegaskan bahawa revolusi kecerdasan buatan membawa bukan sahaja perubahan besar dalam bidang teknologi, ekonomi dan sosial, tetapi juga cabaran mendalam terhadap dimensi psikospiritual manusia. Isu seperti keresahan digital (*digital anxiety*), kekosongan spiritual (*spiritual emptiness*), kehilangan makna,

dan krisis identiti menuntut respons yang lebih daripada sekadar penyelesaian teknikal atau undang-undang.

Kerangka yang dibangunkan dalam artikel ini – berasaskan Etika Nabawi, metodologi tematik hadis, dan Psikospiritual Islam – menawarkan jawapan yang menyeluruh. Prinsip ihsan, amanah, sabar, muraqabah, serta proses tazkiyatun nafs membina kekuatan dalaman yang mampu melindungi umat Islam daripada kesan negatif teknologi moden. Sintesis ini seterusnya membentuk model ketahanan jiwa umat di era AI, yang menekankan keseimbangan antara nilai etika, kesedaran spiritual, dan pembangunan teknologi berlandaskan maqasid syariah.

Perbandingan dengan kerangka etika AI global seperti OECD AI Principles dan EU AI Act menunjukkan bahawa meskipun terdapat persamaan pada aspek teknikal dan sosial, perspektif Islam mempunyai kelebihan unik kerana bersifat teosentrik, holistik, dan berpaksikan integrasi akal dan wahyu. Justeru, model Islam bukan sekadar alternatif, tetapi berpotensi menjadi pelengkap yang mengisi jurang spiritual dalam wacana global etika AI (Ali et al., 2025).

Implikasi Akademik

Dari sudut akademik, artikel ini menyumbang kepada wacana etika AI dengan menonjolkan pentingnya integrasi ilmu Naqli dan Aqli (Golshani, 2007). Ia membuktikan bahawa kajian hadis tematik bukan sahaja relevan untuk memahami hukum-hakam klasik, tetapi juga dapat diaplikasikan untuk membina kerangka konseptual yang sesuai dengan cabaran kontemporari. Kajian ini juga memperluas horizon psikospiritual Islam sebagai bidang antara disiplin yang boleh digabungkan dengan sains teknologi.

Implikasi Praktikal

Dari sudut praktikal, model ini memberikan asas panduan kepada:

- **Individu**, untuk mengawal diri daripada ketagihan digital melalui amalan *zikrullah*, *muhasabah* dan muraqabah.
- **Institusi pendidikan**, untuk mengintegrasikan literasi digital dengan bimbingan rohani, membentuk generasi Muslim yang beretika dan berdaya tahan (Salim & Aditya, 2025).
- **Pembuat dasar dan penggiat teknologi**, untuk merangka regulasi dan aplikasi AI yang bukan sahaja selamat, tetapi juga selaras dengan *maqasid syariah*, demi menjamin kesejahteraan umat manusia (Muda et al., 2023).

Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan dalam beberapa bidang, seperti pembangunan instrumen pengukuran ketahanan psikospiritual dalam kalangan pengguna teknologi, serta kajian empirikal mengenai keberkesanan pendekatan *zikrullah*, *muhasabah* dan *Tazkiyah* dalam mengurangkan keresahan digital. Penyelidikan interdisiplin antara ulama, pakar psikologi, dan jurutera AI amat diperlukan untuk membangunkan model AI beretika yang benar-benar berpusatkan manusia (*human-centered AI*), tetapi berpaksikan nilai Islam.

Kesimpulan Akhir

Secara keseluruhannya, Etika Nabawi dan Psikospiritual Islam terbukti menyediakan kerangka yang menyeluruh untuk membina ketahanan jiwa umat Islam dalam menghadapi cabaran AI. Integrasi ini menegaskan bahawa walaupun teknologi terus berkembang pesat, manusia tetap memerlukan bimbingan wahyu untuk memastikan kemajuan yang dicapai tidak mengorbankan kesejahteraan rohani dan identiti sebagai khalifah Allah di muka bumi.

RUJUKAN

- Adnan, H. N. B., & Ramli, N. (2024). Spiritual Integrity in the Digital Realm: Sufism and Technology Dilemmas. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(4). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v13-i4/23835>
- Ahmad, S. F., Han, H., Alam, M. M., Rehmat, Mohd. K., Irshad, M., Arraño-Muñoz, M., & Ariza-Montes, A. (2023). Impact of artificial intelligence on human loss in decision making, laziness and safety in education. *Humanities and Social Sciences Communications*, 10(1). <https://doi.org/10.1057/s41599-023-01787-8>
- Ali, F., Bouzoubaa, K., Gelli, F., Hamzi, B., & Khan, S. (2025). Islamic Ethics and AI: An Evaluation of Existing Approaches to AI using Trusteeship Ethics. *Philosophy & Technology*, 38(3). <https://doi.org/10.1007/s13347-025-00922-4>
- Al-kfairy, M., Mustafa, D., Kshetri, N., Insiew, M., & Alfandi, O. (2024). Ethical Challenges and Solutions of Generative AI: An Interdisciplinary Perspective. *Informatics*, 11(3), 58. <https://doi.org/10.3390/informatics11030058>
- Andopa, A., Hardivizon, H., & Yunita, N. (2018). The Meaning of Nafs in the Qur'an Based on Quraish Shihab's Interpretation. *AJIS Academic Journal of Islamic Studies*, 3(2), 139. <https://doi.org/10.29240/ajis.v3i2.578>
- Chande, A. (2023). Global Politics of Knowledge Production: The Challenges of Islamization of Knowledge in The Light of Tradition Vs Secular Modernity Debate. *Nazhruna Jurnal Pendidikan Islam*, 6(2), 271. <https://doi.org/10.31538/nzh.v6i2.3502>
- Deswita, D., Hajazi, Z., & Selamat, K. (2022). Tazkiyat al-Nafs as a Solution for Reaching Humans Peace of Heart in the Modern Age. *Alfuad Jurnal Sosial Keagamaan*, 6(2), 11. <https://doi.org/10.31958/jsk.v6i2.7260>
- Elliott, K., Price, R., Shaw, P., Spiliotopoulos, T., Ng, M., Coopamootoo, K., & Moorsel, A. van. (2021). Towards an Equitable Digital Society: Artificial Intelligence (AI) and Corporate Digital Responsibility (CDR). *Society*, 58(3), 179. <https://doi.org/10.1007/s12115-021-00594-8>
- Elmahjub, E. (2023). Artificial Intelligence (AI) in Islamic Ethics: Towards Pluralist Ethical Benchmarking for AI. *Philosophy & Technology*, 36(4). <https://doi.org/10.1007/s13347-023-00668-x>
- Ettman, C. K., & Galea, S. (2023). The Potential Influence of AI on Population Mental Health. *JMIR Mental Health*, 10. <https://doi.org/10.2196/49936>
- Fadli, S., & Sartono, Z. (2023). The Study of Discourse on Digital Pathology and Spiritual Education. *Eduvest - Journal Of Universal Studies*, 3(6), 1142. <https://doi.org/10.59188/eduvest.v3i6.852>
- Faqihi, F., Qutob, R., Subh, R. H. M., Aljathalin, L. A. M., Alshalan, L. Z., Yati, S. M. A., Alaryni, A., Alghamdi, A., Alsolamy, E., Bukhari, A., Alanazi, A., Hazazi, B. H. A., Abuhemid, H. A., Alassaf, R. A., & Alzahrani, S. (2024). Examining the Effects of Social Media on Mental Health Among Adolescents in Saudi Arabia. *Cureus*. <https://doi.org/10.7759/cureus.53261>
- Frenkenberg, A., & Hochman, G. (2025). It's Scary to Use It, It's Scary to Refuse It: The Psychological Dimensions of AI Adoption—Anxiety, Motives, and Dependency. *Systems*, 13(2), 82. <https://doi.org/10.3390/systems13020082>
- Golshani, M. (2007). *Science for Humanity: An Islamic Perspective*. 5(2), 181. <https://www.questia.com/library/journal/1G1-171623714/science-for-humanity-an-islamic-perspective>
- Green, B. P. (2018). Ethical Reflections on Artificial Intelligence. *Scientia et Fides*, 6(2), 9. <https://doi.org/10.12775/setf.2018.015>
- Griffin, T. A., Green, B. P., & Welie, J. V. M. (2023). The ethical agency of AI developers. *AI and Ethics*, 4(2), 179. <https://doi.org/10.1007/s43681-022-00256-3>

- Gulam, H. (2019). The Intertwined Relationship Between the Nafs (Carnal Soul), Aql (Reasoning) *Qalb* (Heart). *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 17(2), 200. <https://doi.org/10.22373/jiif.v17i2.2420>
- Hakim, A., & Anggraini, P. (2023). Artificial Intelligence in Teaching Islamic Studies: Challenges and Opportunities. *Molang Journal Islamic Education*, 1(2), 57. <https://doi.org/10.32806/6ynvg541>
- Hernández, R. S., Schwabe, D., Ostmann, F., Peterka, J., Dixon, P., Addo, P., Chatila, R., Ghani, R., McGregor, S., Evas, T., & Thiago, G. (2024). Defining AI incidents and related terms. In *OECD artificial intelligence papers*. <https://doi.org/10.1787/d1a8d965-en>
- Hokmabadi, H., Rezvani, S. M. H. S., & Matos, C. A. de. (2024). Business Resilience for Small and Medium Enterprises and Startups by Digital Transformation and the Role of Marketing Capabilities—A Systematic Review. *Systems*, 12(6), 220. <https://doi.org/10.3390/systems12060220>
- Khan, I., Dean, S., Ridge, D., & Souvlakis, N. (2025). The Integration of Islamic Psychology with Acceptance and Commitment Therapy (ACT). *Culture Medicine and Psychiatry*. <https://doi.org/10.1007/s11013-025-09924-5>
- Kim, B., Kim, M.-J., & Lee, J. (2025). The dark side of artificial intelligence adoption: linking artificial intelligence adoption to employee depression via psychological safety and ethical leadership. *Humanities and Social Sciences Communications*, 12(1). <https://doi.org/10.1057/s41599-025-05040-2>
- Kim, J. J. H., Kadkol, S., Solomon, I., Yeh, H., Soh, J. Y., Nguyen, T., Choi, J. Y., Lee, S., Srivatsa, A. V., Nahass, G. R., & Ajilore, O. (2023). AI Anxiety: A Comprehensive Analysis of Psychological Factors and Interventions. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4573394>
- Kubaisi, A. A. S. H. A. (2024). Ethics of Artificial Intelligence a Purposeful and Foundational Study in Light of the Sunnah of Prophet Muhammad. *Religions*, 15(11), 1300. <https://doi.org/10.3390/re15111300>
- Lee, E., Torous, J., Choudhury, M. D., Depp, C. A., Graham, S., Kim, H., Paulus, M. P., Krystal, J. H., & Jeste, D. V. (2021). Artificial Intelligence for Mental Health Care: Clinical Applications, Barriers, Facilitators, and Artificial Wisdom [Review of *Artificial Intelligence for Mental Health Care: Clinical Applications, Barriers, Facilitators, and Artificial Wisdom*]. *Biological Psychiatry Cognitive Neuroscience and Neuroimaging*, 6(9), 856. Elsevier BV. <https://doi.org/10.1016/j.bpsc.2021.02.001>
- Leites, A. (2023). Ghafla in Ghazālī's Scale of Action Meaningful Word or Device of Argument? *The Muslim World*, 113(4), 447. <https://doi.org/10.1111/muwo.12482>
- Lewis, D., Lasek-Markey, M., Golpayegani, D., & Pandit, H. J. (2025). *Mapping the Regulatory Learning Space for the EU AI Act*. <https://doi.org/10.48550/ARXIV.2503.05787>
- Litan, D. (2025). Mental health in the “era” of artificial intelligence: technostress and the perceived impact on anxiety and depressive disorders—an SEM analysis. *Frontiers in Psychology*, 16. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2025.1600013>
- Mohamad, A. D., Osman, K., & Mokhtar, A. I. (2020). Spirituality in Maqasid for the Empowerment of Human Well-Being. *International Journal of Business and Social Science*, 11(10). <https://doi.org/10.30845/ijbss.v11n10p6>
- Muda, Z., Omar, N., Hashim, P. H. N. P. H., Ramlee, H. N. H., & Rajid, Z. Z. D. S. S. H. (2023). The Authoritative Role of Maqasid Shariah As A Basis for Determining Hukm When Dealing with Contemporary Issues. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(4). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i4/16685>
- Muhibuddin, M. (2022). Gagasan Islamisasi Ilmu Pengetahuan: Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dan Intelektual Muslim Indonesia. *At-Taḥkīr*, 15(2), 184. <https://doi.org/10.32505/at.v15i2.4672>
- Naseer, A., Ahmad, N., & Amjad, M. (2025). Psychological Impacts of AI Dependence: Assessing the Cognitive and Emotional Costs of Intelligent Systems in Daily Life. *Review of Applied Management and Social Sciences*, 8(1), 291. <https://doi.org/10.47067/ramss.v8i1.458>

- Nasution, Z., Pasaribu, S., Surianto, S., Ridwan, A., & Nasution, H. B. (2023). Wahdatul 'Ulum Perspective Systemic Thinking: Study Integration of Science in Islamic Education. *AL-ISHLAH Jurnal Pendidikan*, 15(2), 1842. <https://doi.org/10.35445/alishlah.v15i2.2505>
- Noor, A. F. B. M., Shukor, K. B. A., Abidin, M. Z. H. Z., Razak, M. I. A., Hassan, P., & Basir, M. K. A. (2022). Identifying Items for "Self-Reflection" as a Religious Factor to Succeed in the Pre-Sea Training. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 10(3), 639. <https://doi.org/10.26811/peuradeun.v10i3.702>
- Nugraha, M. F. (2022). Conceptualization Of The *Qalb* As An Effort To Form A Scale Of Measurement In Islamic Psychology. *Psikis Jurnal Psikologi Islami*, 8(2), 251. <https://doi.org/10.19109/psikis.v8i2.6854>
- Plinio, S. D. (2025). Panta Rh-AI: Assessing multifaceted AI threats on human agency and identity. *Social Sciences & Humanities Open*, 11, 101434. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2025.101434>
- Qi, M., Wu, T., Duan, W., & Li, S. (2025). Effects of Employee–Artificial Intelligence (AI) Collaboration on Counterproductive Work Behaviors (CWBs): Leader Emotional Support as a Moderator. *Behavioral Sciences*, 15(5), 696. <https://doi.org/10.3390/bs15050696>
- Raquib, A., Channa, B., Zubair, T., & Qadir, J. (2022). Islamic virtue-based ethics for artificial intelligence. *Discover Artificial Intelligence*, 2(1). <https://doi.org/10.1007/s44163-022-00028-2>
- Salim, M., & Aditya, R. (2025). Integration of Artificial Intelligence in Islamic Education: Trends, Methods, and Challenges in the Digital Era. *Journal of Modern Islamic Studies and Civilization*, 3(1), 74. <https://doi.org/10.59653/jmisc.v3i01.1368>
- Sangwa, S., & Mutabazi, P. (2025). Artificial Intelligence Ethics and Biblical Prophecy: A Global Christian Analysis of Algorithmic Censorship, Digital Deception, and Eschatological Risk. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.5283976>
- Schultz, M. D., & Seele, P. (2022). Towards AI ethics' institutionalization: knowledge bridges from business ethics to advance organizational AI ethics. *AI and Ethics*, 3(1), 99. <https://doi.org/10.1007/s43681-022-00150-y>
- Shalaby, A. (2024). Classification for the digital and cognitive AI hazards: urgent call to establish automated safe standard for protecting young human minds. *Digital Economy and Sustainable Development*, 2(1). <https://doi.org/10.1007/s44265-024-00042-5>
- Susanto, M. A. (2024). Islam dan Teknologi: Tantangan Etika dan Adaptasi dalam Era Digital. *Al-Muharrrik*, 1(2), 95. <https://doi.org/10.59829/dq88ve47>
- Ungar-Sargon, J. (2025). AI and Spirituality: The Disturbing Implications. *Journal of Medical - Clinical Research & Reviews*, 9(3). <https://doi.org/10.33425/2639-944x.1412>
- Wahab, M. Ab. (2022). Islamic Spiritual and Emotional Intelligence and Its Relationship to Eternal Happiness: A Conceptual Paper. *Journal of Religion and Health*, 61(6), 4783. <https://doi.org/10.1007/s10943-021-01485-2>
- Waluyojati, M. P., & Swari, D. I. (2024). Peran Psikologi Tasawuf Mengenai Kesehatan Mental dan Spiritualitas Generasi Z Pada Era Digital. *Mutiara Jurnal Penelitian Dan Karya Ilmiah*, 2(4), 199. <https://doi.org/10.59059/mutiara.v2i4.1484>
- Zulkipli, S. N., Suliaman, I., Abidin, M. S. Z., Anas, N., & Ahmat, A. C. (2022). The Development Theory of Al-'Aql, Al-Qalb and al-Nafs in Islamic Psychotherapy. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i11/15013>